

23 APR 2001
Mahathir-RMK8 (Bumiputera)
MAJLIS ICT DITUBUH BANTU BUMIPUTERA

KUALA LUMPUR, 23 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata sebuah majlis teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) Bumiputera akan ditubuhkan bagi merancang dan merangka agenda ICT Bumiputera.

Perdana Menteri berkata agenda itu akan merangkumi strategi untuk meningkatkan tahap kesedaran mengenai peluang dalam industri ICT serta melahirkan lebih ramai usahawan Bumiputera dalam bidang berkenaan.

"Ia juga merangkumi strategi mengadakan aksesibiliti kepada modal dan maklumat pasaran yang lebih baik serta mewujudkan hubungan pasaran di peringkat antarabangsa," katanya ketika membentangkan Rancangan Malaysia Kelapan (RMK8) di Dewan Rakyat hari ini.

Selain daripada ICT, kerajaan akan terus menggalakkan penyertaan Bumiputera dalam industri strategik dan berteknologi tinggi seperti bioteknologi, petrokimia dan komunikasi, katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan akan mengambil langkah mengenal pasti mereka yang berbakat untuk diberi latihan intensif dalam bidang pengurusan kewangan dan perusahaan.

Ia bertujuan menyemai etika yang sesuai dengan kejayaan perniagaan mereka selaras dengan usaha membangunkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB).

Dr Mahathir berkata hanya mereka yang sanggup melalui kursus berkenaan sahaja yang akan diberi peluang, lesen, pinjaman modal dan sebagainya.

"Jika terdapat mereka yang menyalahgunakan peluang atau wang, mereka akan disenarai hitamkan. Kaum Bumiputera perlu memberi perhatian yang serius terhadap pembentukan MPPB," katanya.

Ia bukan satu skim untuk cepat kaya tetapi ia adalah usaha yang serius ke arah penyusunan semula masyarakat bagi mengimbangkan kaum bumiputera dan bukan-Bumiputera di Malaysia, kata Dr Mahathir.

Program latihan keusahawanan akan dipergiatkan bagi membolehkan usahawan Bumiputera menghadapi cabaran globalisasi dan menggunakan lebih banyak kandungan pengetahuan dalam aktiviti mereka.

Program ini akan memberi penekanan kepada penyediaan usahawan Bumiputera yang lebih berdikari, berdaya saing dan mengamalkan etika perniagaan yang baik. selain memupuk nilai positif seperti amanah, rajin dan disiplin yang merupakan sifat penting untuk melahirkan usahawan Bumiputera yang berjaya dan berdaya tahan.

Dr Mahathir berkata Institut Keusahawanan Negara akan ditubuhkan sebagai pusat untuk menjalankan perancangan strategik mengenai keusahawanan, risikan pasaran, penyelidikan dan pembangunan, pembangunan kurikulum, rangkaian perniagaan dan kaunseling.

-- BERNAMA
NZ MKO MAI